

14 setempat

26-08-2017

SEMANGAT TAK LUMPUH

■ Pelajar OKU sertai larian guna kerusi roda bagi sambutan Hari Kemerdekaan sekolah

Betty Subaryati
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Biar pun terpaksa berkerusi roda, pelajar lelaki orang kurang upaya (OKU) sanggup menyertai larian sejauh dua kilometer anjuran sekolahnya, di sini, semalam.

Pelajar SMK Raja Sakti, Mohd Faris Iqbal Ahmad, 15, berkata, walaupun kedua-dua kakinya lumpuh, dia tetap bersemangat menyertai larian menggunakan kerusi roda dan dibantu rakan bagi sambutan hari kemerdekaan sekolahnya.

“Saya rasa teruja apabila sekolah ini menganjurkan sambutan Hari Kemerdekaan ke-60, walaupun saya berkerusi roda.

“Jarak perarakan yang jauh tidak mematahkan semangat kerana saya terlalu cintakan negara,” katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-60 Peringkat Sekolah di SMK Raja Sakti, di sini, semalam.

Larian itu disertai lebih 3,000 pelajar daripada tiga sekolah iaitu SK Kota Jembal, SK Raja Bahar dan Tadika KEMAS An-Nur serta masyarakat setempat dan agensi kerajaan.

Hadir sama, Pengetua

SMK Raja Sakti Che Daud Harun dan Penolong Kanan Ko Kurikulum Datin Rohana Hassan.

Sementara itu, Che Daud berkata, sambutan kemerdekaan sekolah diadakan setiap tahun untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan menyemarakkan bulan merdeka.

“Kita mahu pelajar bukan saja mengibarkan Jalur Gemilang tetapi tahu erti bendera yang menjadi kebanggaan negara,” katanya.



“Jarak yang jauh tidak mematahkan semangat kerana saya terlalu cintakan negara Mohd Faris Iqbal Ahmad”

MOHD FARIS menyertai larian sejauh dua kilometer menggunakan kerusi roda.